KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			

Cadang pasang kolar penjejak pada 150 Harimau Malaya

HM 1
7.1.2022_19

Kota Bharu: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli bercadang untuk memasang kolar penjejak pada kira-kira 150 ekor Harimau Malaya di seluruh negara untuk memudahkan urusan menjejaki haiwan mamalia itu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, penggunaan kolar penjejak menggunakan teknologi satelit itu dapat mengesan sekiranya hidupan liar itu berpindah ke kawasan lain atau keluar dari habitat asal.

"Kami juga sudah mengarahkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk mengkaji penggunaan kolar penjejak berkenaan terhadap Harimau Malaya seperti yang digunakan terhadap gajah liar sebelum ini.

"Sekiranya berkesan kami juga mahu gunakan kolar penjejak ini kepada Harimau Malaya supaya boleh jejak keberadaan haiwan terbabit," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada persatuan, badan bukan kerajaan (NGO) dan kelab di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kota Bharu, di sini, semalam.

Takiyuddin yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu berkata, kerajaan memandang serius untuk melindungi Harimau Malaya daripada terancam dan pelbagai tindakan diambil untuk menyeimbangkan kepentingan pembangunan dan kelestarian alam.



TAKIYUDDIN (kanan) menyampaikan sumbangan kepada wakil NGO dan Kelab Kebajikan Kota Bharu, Faris Fauzi di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kota Bharu di Jalan Bayam, semalam.

"Kami sedar mengenai perkara ini, malah kami sudah mengambil tindakan yang luar biasa untuk menyelamatkan hidupan liar seperti baru-baru ini Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat membincangkan mengenai isu ini selain saya juga sudah membawa pindaan Akta Perhilitan pada Disember tahun lalu dengan meningkatkan jumlah denda kepada mereka yang melakukan kesalahan terhadap hidupan liar," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai isu harimau berkeliaran di Pos Bihai, Gua Musang, baru-baru ini dipercayai aktiviti pembalakan, Takiyuddin berkata, setiap kerajaan negeri diberikan kuasa mengikut undang-undang yang ditetapkan untuk menebang balak setiap tahun.

"Kerajaan negeri mempunyai hak untuk berbuat demikian kerana setiap tahun kerajaan negeri diberi kuasa untuk menebang balak menerusi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) sebagai sumber ekonomi, tetapi perlu ada penanaman semula dan mempunyai kawalan agar tidak menjejaskan habitat hidupan liar dan sebagainya," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, kemeriahan sambutan perayaan menuai padi dan menangkap ikan sungai masyarakat Orang Asli suku kaum Temiar di Kampung Sau, Pos Bihai bertukar tragedi apabila seorang lelaki maut dibaham harimau pada 7 Januari lalu. - Bernama